



# NOTA PENERANGAN BE 2019

## INDIVIDU PEMASTAUTIN YANG TIDAK MENJALANKAN PERNIAGAAN

TAMBAHAN / PINDAAN		
Ruang	Perkara	Muka Surat
A7a & A7b	Layak menuntut insentif di bawah seksyen 127	2
B1a	Bilangan Pengajian	3
B13	Levi pelepasan bagi perjalanan umrah / perjalanan tujuan keagamaan agama lain	7
D6	Mempunyai akaun kewangan di institusi kewangan di luar negara	9
F11	Tabungan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)	16
F15	Insurans nyawa dan KWSP	18 - 19

Nota ini disediakan bagi membantu **individu** yang **bermastautin di Malaysia** mengikut peruntukan seksyen 7 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) atau **dianggap bermastautin** di bawah subseksyen 7(1B) Akta yang sama, untuk melengkapkan Borang BE bagi Tahun Taksiran 2019. Sila baca nota ini dengan teliti supaya pengisian dan pengisytiharan semua punca pendapatan bagi Tahun Taksiran 2019 adalah benar, lengkap dan betul.

Bagi individu berkahwin yang memilih taksiran bersama, sama ada atas nama suami atau isteri dan mempunyai jumlah pendapatan yang disatukan, kedua-dua suami isteri perlu mengisi secara berasingan sama ada:

- (a) Borang B (individu yang menjalankan perniagaan); atau
- (b) Borang BT \* (pekerja berpengetahuan atau pekerja berkepakaran yang telah diluluskan oleh Menteri); atau
- (c) Borang BE (individu yang tidak menjalankan perniagaan).

\* Untuk keterangan lanjut, sila rujuk P.U. (A) 344/2010 berkaitan pekerja berpengetahuan dan P.U. (A) 151/2012 berkaitan Program Kepulangan Pakar di Portal Rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Semua rekod, helaian kerja dan dokumen tidak perlu disertakan semasa pengemukaan Borang BE KECUALI bagi kes pembayaran balik, yang mana helaian kerja berikut perlu dikemukakan:-

- (i) Helaian Kerja HK-6 mengenai tolakan cukai di bawah seksyen 110 (lain-lain); dan
- (ii) Helaian Kerja HK-8 / HK-9 (jika berkenaan) berhubung dengan potongan cukai yang telah dibuat di negara asing.

Helaian kerja, lampiran dan maklumat lain boleh diperoleh di Portal Rasmi LHDNM:

<http://www.hasil.gov.my> > Borang > Muat Turun Borang > Individu > **Panduan Pengiraan & Maklumat Lain.**

Rekod, dokumen dan helaian kerja yang digunakan dalam pengiraan hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun bermula daripada akhir tahun dalam mana borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, untuk rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.

Sila isi semua ruangan yang berkaitan dengan **HURUF BESAR** dan gunakan pen mata bulat berdakwat **hitam**. Biarkan kosong sekiranya ruangan yang disediakan adalah tidak berkenaan.

#### MAKLUMAT ASAS

1 - 4	Isikan maklumat yang berkenaan sahaja. Untuk ruangan 'No. cukai pendapatan', isikan <b>SG</b> atau <b>OG</b> dan diikuti dengan no. cukai pendapatan dalam kotak yang disediakan. <b>Contoh:</b> No. cukai pendapatan SG 10234567080	
	No. cukai pendapatan	<b>SG 10234567080</b>
5	No. pasport didaftarkan dengan LHDNM	Isikan no. pasport terakhir yang telah didaftarkan dengan LHDNM sebelum bertukar kepada pasport semasa.
<b>BAHAGIAN A</b>		<b>MAKLUMAT INDIVIDU</b>
A1	Warganegara	Isi 'MY' bagi warganegara Malaysia. Sekiranya bukan warganegara Malaysia, sila rujuk kod negara yang disediakan di muka surat 21 nota penerangan ini atau Lampiran E.
A2	Jantina	Isikan '1' untuk lelaki atau '2' untuk perempuan.
A3	Tarikh lahir	Isikan tarikh lahir mengikut turutan: hari, bulan dan tahun.
A4	Status pada 31-12-2019	Isikan '1' untuk bujang; '2' untuk kahwin; '3' untuk janda / duda; '4' untuk mati.
A5	Tarikh kahwin / cerai / mati	Jika perkahwinan / perpisahan mengikut undang-undang atau kematian berlaku dalam tahun semasa, isikan tarikh mengikut turutan: hari, bulan dan tahun.

A6	Jenis taksiran	<p>Isikan:</p> <p>(i) '1' jika isteri memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama suami. Isteri tidak perlu mengisi ruang B7 hingga B19 dan Bahagian F Borang BE; atau</p> <p>(ii) '2' jika suami memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama isteri. Suami tidak perlu mengisi ruang B7 hingga B19 dan Bahagian F Borang BE; atau</p> <p>(iii) '3' jika individu dan pasangan memilih taksiran berasingan; atau</p> <p>(iv) '4' jika suami / isteri tiada pendapatan / tiada punca pendapatan / pendapatan dikecualikan cukai; atau</p> <p>(v) '5' jika status individu adalah bujang / janda / duda / si mati.</p> <p><b>Nota:-</b></p> <p>Syarat-syarat kelayakan untuk taksiran bersama:</p> <p>a) Suami dan isteri tinggal bersama dalam tahun asas dan tidak berhenti tinggal bersama dalam tahun asas tersebut;</p> <p>b) Mempunyai jumlah pendapatan untuk diagregatkan dengan jumlah pendapatan suami / isteri;</p> <p>c) Suami / isteri yang memilih taksiran bersama mesti warganegara Malaysia jika tidak bermastautin;</p> <p>d) Pengagregatan hanya boleh dibuat dengan seorang isteri sahaja.</p>
A7a	Layak menuntut insentif di bawah seksyen 127	<p>Merujuk kepada insentif (contohnya pengecualian) di bawah peruntukan perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP 1967 yang layak dituntut mengikut warta Kerajaan atau surat kelulusan Menteri.</p> <p>1 = <i>Perenggan 127(3)(b) ACP 1967</i></p> <p>Pengecualian yang diberikan oleh Menteri Kewangan kepada mana-mana kelas orang daripada mematuhi mana-mana peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 secara umum atau berkenaan mana-mana pendapatan.</p> <p>2 = <i>Subseksyen 127(3A) ACP 1967</i></p> <p>Pengecualian yang diberikan oleh Menteri Kewangan kepada mana-mana orang tertentu daripada mematuhi mana-mana peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 secara umum atau berkenaan mana-mana pendapatan.</p> <p>3 = <i>Tidak berkenaan</i></p> <p>(i) Tandakan 'X' dalam petak bagi jenis / jenis-jenis insentif yang:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• layak dinikmati dan tuntutan dibuat bagi tahun semasa; atau</li> <li>• layak dinikmati tetapi tuntutan tidak dapat dibuat bagi tahun semasa atas sebab seperti ketiadaan pendapatan.</li> </ul> <p>(ii) Tandakan 'X' dalam petak 'Tidak berkenaan' sekiranya:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• tidak layak menuntut insentif;</li> <li>• permohonan insentif tidak diluluskan oleh Menteri; atau</li> <li>• tidak berkenaan.</li> </ul>
A7b	Jika A7a = 1 dan / atau 2, nyatakan:	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b><u>No. P.U. (A) / No. Kelulusan Insentif</u></b> Nyatakan nombor P.U.(A) warta Kerajaan atau nombor surat kelulusan Menteri Kewangan bagi insentif berkenaan.</li> <li>• <b><u>Amaun Pendapatan Dikecualikan</u></b> Amaun daripada pengiraan.</li> </ul> <p>Warta Kerajaan / surat kelulusan Menteri Kewangan hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan LHDNM sekiranya diperlukan kelak.</p>

BAHAGIAN B	PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN
------------	----------------------------

B1	Pendapatan berkanun penggajian
----	--------------------------------

B1a	Bilangan penggajian	<p>Ruang ini perlu diisi sekiranya mempunyai pendapatan berkanun daripada penggajian.</p> <table border="1" style="width:100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width:5%;">Bil.</th> <th style="width:55%;">Contoh</th> <th style="width:40%;">Bilangan Penggajian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1.</td> <td>Encik Adi menerima bayaran yuran pengarah daripada Mas Sdn. Bhd. dan Dinar Sdn. Bhd. dalam tahun 2019.</td> <td style="text-align: center;">2</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2.</td> <td>Encik Sami bekerja dengan majikan-majikan berikut pada tahun 2019:- i. GHI Sdn. Bhd. : Jan. 2019 – April 2019 ii. HIL Sdn. Bhd. : Mei 2019 – Nov. 2019 iii. GHI Sdn. Bhd. : Dis. 2019</td> <td style="text-align: center;">3</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">3.</td> <td>Puan Edith yang bekerja dengan MDP Holdings Bhd., dipinjamkan ke MDP Technology Sdn. Bhd. (dalam kumpulan syarikat yang sama) dari 1 Jun 2019 hingga 30 Sept. 2019. Gajinya bagi Jun hingga Sept. 2019 dibayar oleh MDP Holdings Bhd. i. MDP Holdings Bhd. : Jan. 2019 – Mei 2019 ii. MDP Technology Sdn. Bhd. : Jun 2019 – Sept. 2019 iii. MDP Holdings Bhd. : Okt. 2019 – Dis. 2019</td> <td style="text-align: center;">1</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Contoh	Bilangan Penggajian	1.	Encik Adi menerima bayaran yuran pengarah daripada Mas Sdn. Bhd. dan Dinar Sdn. Bhd. dalam tahun 2019.	2	2.	Encik Sami bekerja dengan majikan-majikan berikut pada tahun 2019:- i. GHI Sdn. Bhd. : Jan. 2019 – April 2019 ii. HIL Sdn. Bhd. : Mei 2019 – Nov. 2019 iii. GHI Sdn. Bhd. : Dis. 2019	3	3.	Puan Edith yang bekerja dengan MDP Holdings Bhd., dipinjamkan ke MDP Technology Sdn. Bhd. (dalam kumpulan syarikat yang sama) dari 1 Jun 2019 hingga 30 Sept. 2019. Gajinya bagi Jun hingga Sept. 2019 dibayar oleh MDP Holdings Bhd. i. MDP Holdings Bhd. : Jan. 2019 – Mei 2019 ii. MDP Technology Sdn. Bhd. : Jun 2019 – Sept. 2019 iii. MDP Holdings Bhd. : Okt. 2019 – Dis. 2019	1
Bil.	Contoh	Bilangan Penggajian												
1.	Encik Adi menerima bayaran yuran pengarah daripada Mas Sdn. Bhd. dan Dinar Sdn. Bhd. dalam tahun 2019.	2												
2.	Encik Sami bekerja dengan majikan-majikan berikut pada tahun 2019:- i. GHI Sdn. Bhd. : Jan. 2019 – April 2019 ii. HIL Sdn. Bhd. : Mei 2019 – Nov. 2019 iii. GHI Sdn. Bhd. : Dis. 2019	3												
3.	Puan Edith yang bekerja dengan MDP Holdings Bhd., dipinjamkan ke MDP Technology Sdn. Bhd. (dalam kumpulan syarikat yang sama) dari 1 Jun 2019 hingga 30 Sept. 2019. Gajinya bagi Jun hingga Sept. 2019 dibayar oleh MDP Holdings Bhd. i. MDP Holdings Bhd. : Jan. 2019 – Mei 2019 ii. MDP Technology Sdn. Bhd. : Jun 2019 – Sept. 2019 iii. MDP Holdings Bhd. : Okt. 2019 – Dis. 2019	1												

Gaji, bonus, yuran pengarah, komisen dan apa-apa perkuisit [seperti skim opsyen saham (Ketetapan Umum No. 11/2012), premium insurans / yuran sekolah dan tuisyen yang dibayar oleh majikan] hendaklah dilaporkan. Perbelanjaan keraian dan perjalanan adalah potongan yang dibenarkan dengan syarat perbelanjaan dilakukan dalam menghasilkan pendapatan penggajian dan dalam menjalankan tugas rasmi. Tuntutan perbelanjaan keraian dihadkan kepada jumlah elaun keraian yang dimasukkan sebagai pendapatan kasar daripada penggajian. Sekiranya perbelanjaan dibayar ganti oleh majikan, ia tidak merupakan perbelanjaan yang boleh dituntut sebagai potongan dan juga tidak dikenakan cukai.

Amaun N4 dari Helaian Kerja HK-2.

**Nota:**

Mulai Tahun Taksiran 2016, pendapatan kasar daripada penggajian bagi mana-mana tempoh akan dikenakan cukai dalam tahun ia diterima [Subseksyen 25(1) ACP 1967].

Elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai
Rujuk: Ketetapan Umum No. 5/2019 (Perkuisit Daripada Penggajian); dan Ketetapan Umum No. 11/2019 (Manfaat Berupa Barangan)

**Ganjaran** (Rujukan: Ketetapan Umum No. 9/2016)

Ganjaran merupakan sejumlah wang yang diterima semasa persaraan / tamat kontrak dan dianggap sebagai hadiah untuk perkhidmatan yang lalu. Rujuk Helaian Kerja HK-2.2 dan Lampiran B1 untuk pengiraan.

1. Ganjaran berikut dikecualikan daripada cukai pendapatan:

i) **Ganjaran persaraan**

- (a) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa persaraan daripada penggajian itu disebabkan gangguan kesihatan; atau
- (b) Persaraan itu berlaku pada atau selepas seseorang itu mencapai umur 55 tahun atau mencapai umur wajib bersara dari penggajiannya dan telah berkhidmat berturut-turut selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat di dalam kumpulan yang sama; atau
- (c) Persaraan itu berlaku apabila mencapai umur wajib bersara di bawah satu kontrak penggajian atau perjanjian kolektif pada umur 50 tahun tetapi sebelum 55 tahun dan telah berkhidmat selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama.

ii) **Ganjaran yang dibayar daripada kumpulan wang awam** - Ganjaran yang dibayar kepada pekerja dari kumpulan wang awam apabila bersara daripada penggajian di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

iii) **Ganjaran yang dibayar kepada pegawai kontrak** - Ganjaran yang dibayar daripada kumpulan wang awam kepada pegawai kontrak apabila tamat kontrak penggajiannya tidak kira sama ada kontraknya diperbaharui ataupun tidak.

iv) **Ganjaran kematian** - Wang yang diterima sebagai ganjaran kematian.

## 2. **Pengecualian sebahagian atas ganjaran**

Mulai Tahun Taksiran 2016, seseorang pekerja yang menerima wang sebagai ganjaran:

i) apabila bersara daripada suatu penggajian; atau

ii) atas pemberhentian suatu kontrak penggajian

selain daripada ganjaran yang layak pengecualian di bawah perenggan 1 di atas, adalah layak mendapat pengecualian sebanyak **RM1,000 bagi setiap tahun genap perkhidmatan**. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pengiraan pengecualian sebahagian, tempoh penggajian dengan syarikat-syarikat lain dalam kumpulan yang sama TIDAK DIANGGAP sebagai tempoh penggajian dengan majikan yang sama.

**Elaun Cukai** – Cukai pendapatan seseorang pekerja yang ditanggung oleh majikannya adalah Elaun Cukai yang dikenakan cukai di bawah peruntukan perenggan 13(1)(a) ACP 1967. Sila rujuk Helaian Kerja HK-2.3, Lampiran B2, dan Ketetapan Umum No. 11/2016 untuk pengiraan.

**Yuran Kepada Badan Profesional** – Yuran kepada badan profesional berhubung keahlian untuk mengekalkan kedudukan profesion berkaitan dan menjalankan pekerjaan dibenarkan sebagai tolakan, contohnya yuran profesion perubatan atau guaman.

### **Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) Oleh Majikan**

Nilai manfaat hendaklah merupakan **amaun pinjaman pendidikan PTPTN yang dibayar oleh majikan** bagi pihak pekerjaannya bagi suatu tempoh yang tidak lebih awal daripada 1 Januari 2019 dan tidak lewat daripada 31 Disember 2021.

#### **Syarat-syarat pengecualian:**

- Pekerja adalah warganegara Malaysia yang telah menerima pinjaman daripada PTPTN.
- Pekerja diambil kerja secara sepenuh masa; dan bukan saudara-mara majikannya.

Rujuk Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 8) 2019 [P.U. (A) 205/2019] dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 8) (Pindaan) 2019 [P.U. (A) 414/2019] yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2019 hingga tahun taksiran 2021.

#### **Nota:**

Pekerja yang menuntut pengecualian ini perlu menandakan 'X' di petak untuk '1 = Perenggan 127(3)(b)' di **ruang A7a**, dan mengisi maklumat yang dikehendaki di **ruang A7b**.

**Manfaat Berupa Barangan (MBB)** – Nilai tahunan manfaat berupa barangan yang disediakan oleh majikan seperti kereta, minyak, pemandu, kelengkapan rumah, perkakas dan perlengkapan, telefon bimbit, aset-aset untuk tujuan keraian dan rekreasi.

Rujuk Helaian Kerja HK-2.4, Lampiran B3, dan Ketetapan Umum No.11/2019 untuk pengiraan.

**Nilai Tempat Kediaman** – Nilai tempat kediaman yang disediakan oleh majikan di Malaysia.

Rujuk Helaian Kerja HK-2.5, Lampiran B4, dan Ketetapan Umum No. 3/2005 (Asal dan Tambahan) untuk pengiraan.

**Bayaran Balik Daripada Skim Pencen Yang Tidak Diluluskan** – Amaun yang dicarum oleh majikan kepada tabung pencen atau kewangan yang tidak diluluskan yang diterima oleh pekerja sebelum atau selepas tamat penggajian. Rujuk Helaian Kerja HK-2.6 untuk pengiraan.

**Pampasan** – Bayaran yang dibuat oleh majikan kepada pekerja disebabkan kehilangan pekerjaan atau sebab-sebab lain. Rujuk Helaian Kerja HK-2.7, Lampiran B5, dan Ketetapan Umum No. 1/2012 untuk pengiraan.

Pengecualian penuh atau sebahagian atas pampasan disebabkan kehilangan pekerjaan:

- (i) **Pengecualian penuh** – Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa bayaran dilakukan kerana kehilangan pekerjaan disebabkan gangguan kesihatan; atau
- (ii) **Pengecualian sebahagian** – Bagi pemberhentian kerja pada atau selepas **1 Julai 2008**, pampasan selain daripada perenggan (i) di atas adalah layak mendapat pengecualian sebanyak **RM10,000 bagi setiap tahun lengkap perkhidmatan** dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama.

B2	Sewa	Penerimaan dari sewaan rumah, rumah kedai, tanah, loji, mesin, perabot dan lain-lain. Amaun C3 dari Helaian Kerja HK-4.												
B3	Faedah	Pendapatan faedah yang diterima oleh individu bermastautin daripada wang yang didepositkan dalam institusi berikut adalah dikecualikan cukai: (i) Bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan atau yang disifatkan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013; (ii) Bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; (iii) Institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002; (iv) Lembaga Tabung Haji yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995; (v) Malaysia Building Society Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016; (vi) Borneo Housing Finance Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016; dan (vii) Koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993.												
	Diskaun	Pendapatan daripada urus niaga pendiskaunan yang melibatkan bil perbendaharaan, bil pertukaran atau nota janji hutang.												
	Royalti	Penerimaan dari penggunaan hak cipta / paten yang melebihi had pengecualian seperti berikut dikenakan cukai: <table border="1" data-bbox="507 837 1528 1160"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Jenis Royalti</th> <th>Pengecualian (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(i)</td> <td>Penerimaan dari penerbitan hasil seni / rakaman pita / cakera</td> <td>10,000</td> </tr> <tr> <td>(ii)</td> <td>Penerimaan hasil penterjemahan buku / karya kesusasteraan</td> <td>12,000</td> </tr> <tr> <td>(iii)</td> <td>Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan / lukisan asli / penggubahan muzik</td> <td>20,000</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Jenis Royalti	Pengecualian (RM)	(i)	Penerimaan dari penerbitan hasil seni / rakaman pita / cakera	10,000	(ii)	Penerimaan hasil penterjemahan buku / karya kesusasteraan	12,000	(iii)	Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan / lukisan asli / penggubahan muzik	20,000
	Bil.	Jenis Royalti	Pengecualian (RM)											
(i)	Penerimaan dari penerbitan hasil seni / rakaman pita / cakera	10,000												
(ii)	Penerimaan hasil penterjemahan buku / karya kesusasteraan	12,000												
(iii)	Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan / lukisan asli / penggubahan muzik	20,000												
		Amaun H dari Helaian Kerja HK-5.												
	Pencen	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pencen yang diterima dari Malaysia dan dibayar oleh Kerajaan atau daripada skim pencen yang diluluskan kepada seseorang apabila bersara pada umur 55 tahun atau pada umur persaraan wajib di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau persaraan atas sebab keuzuran, adalah dikecualikan cukai.</li> <li>Di mana seseorang mendapat lebih daripada satu pencen, hanya pencen yang tertinggi dikecualikan. Pencen yang lain hendaklah dilaporkan.</li> </ul>												
	Anuiti	Jumlah yang ditetapkan mengikut syarat-syarat wasiat atau pelaburan wang yang melayakkan waris atau pelabur menerima bayaran tahunan, sama ada untuk selama-lamanya atau sesuatu tempoh.												
	Bayaran berkala lain	Bayaran yang dibuat berulang kali pada masa-masa tertentu.												
	Apa-apa perolehan atau keuntungan lain	Pendapatan lain seperti bayaran sekali sekala untuk penyiaran, syarahan, tulisan atau sebagainya yang terbit daripada usaha / pekerjaan sampingan atau sambilan.												
B5	Derma / hadiah / sumbangan yang diluluskan	Pindahkan amaun dari ruang E8, jika ada. Sila rujuk Ketetapan Umum No. 4/2018. Resit dan dokumen sokongan hendaklah disimpan selama tempoh tujuh (7) tahun bermula daripada akhir tahun dalam mana borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada LHDNM, untuk tujuan rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.												

B7	JUMLAH PENDAPATAN YANG DIPINDAHKAN DARI SUAMI / ISTERI * BAGI TAKSIRAN BERSAMA  * jenis pendapatan SUAMI / ISTERI yang dipindahkan	<b>RUANG B7 DAN B8 HANYA PERLU DIISI OLEH INDIVIDU DI MANA TAKSIRAN BERSAMA DIKELUARKAN ATAS NAMANYA.</b> Pindahkan jumlah pendapatan suami / isteri yang ingin disatukan bersama jumlah pendapatan individu ke ruang ini. <b>Nota:</b> Isi '1' jika pendapatan suami / isteri yang dipindahkan terdapat punca pendapatan perniagaan atau '2' jika tiada.  Ruang B7 dan B8 <b>TIDAK PERLU</b> diisi jika: (i) status individu adalah bujang / janda / duda (ii) suami / isteri tiada pendapatan, tiada punca pendapatan atau mempunyai pendapatan dikecualikan cukai (iii) individu memilih taksiran berasingan (iv) individu memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas <b>nama suami / isterinya</b>																												
B9	Jumlah pelepasan	Pindahkan amaun dari F19.																												
B10	PENDAPATAN BERCUKAI	Amaun (B6 tolak B9) atau (B8 tolak B9).																												
B11	<b>PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN</b>																													
B11a	Cukai ke atas yang pertama	Sesuaikan amaun di B10 (pendapatan bercukai) dengan banjaran pendapatan bercukai yang disediakan dalam Jadual Cukai di muka surat 21 nota penerangan ini).																												
B11b	Cukai ke atas baki	<i>Contoh:</i> Pendapatan bercukai di <b>B10:</b> <b>RM 45,500</b> Guna pengiraan di <b>kategori D</b> jadual cukai seperti berikut:																												
B12	JUMLAH CUKAI PENDAPATAN	Cukai ke atas <b>RM35,000</b> yang pertama <b>RM 600.00</b> Cukai ke atas baki <b>RM10,500 @ 8%</b> <b>RM 840.00</b> Jumlah cukai pendapatan <b>RM1,440.00</b>  Masukkan di ruang B11a, B11b dan B12 dalam Borang BE seperti berikut:																												
<table border="1"> <tr> <td>B11a</td> <td>Cukai ke atas yang pertama</td> <td>35,000</td> <td>.00</td> <td></td> <td></td> <td>B11a</td> <td>600</td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td>B11b</td> <td>Cukai ke atas baki</td> <td>10,500</td> <td>.00</td> <td>Atas kadar</td> <td>8</td> <td>%</td> <td>B11b</td> <td>840</td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td>B12</td> <td>JUMLAH CUKAI PENDAPATAN ( B11a + B11b)</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td>B12</td> <td>1,440</td> <td>.00</td> </tr> </table>			B11a	Cukai ke atas yang pertama	35,000	.00			B11a	600	.00	B11b	Cukai ke atas baki	10,500	.00	Atas kadar	8	%	B11b	840	.00	B12	JUMLAH CUKAI PENDAPATAN ( B11a + B11b)					B12	1,440	.00
B11a	Cukai ke atas yang pertama	35,000	.00			B11a	600	.00																						
B11b	Cukai ke atas baki	10,500	.00	Atas kadar	8	%	B11b	840	.00																					
B12	JUMLAH CUKAI PENDAPATAN ( B11a + B11b)					B12	1,440	.00																						
B13	<b>JUMLAH REBAT</b>																													
Sendiri		Rebat cukai individu adalah sebanyak <b>RM400</b> bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000. Perenggan 6A(2)(a) ACP 1967.																												
Suami / isteri		Rebat cukai suami / isteri adalah sebanyak <b>RM400</b> bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000 dan telah dibenarkan pelepasan suami / isteri sebanyak RM4,000. Perenggan 6A(2)(b) / Perenggan 6A(2)(c) ACP 1967.																												

Levi pelepasan bagi perjalanan umrah / perjalanan tujuan keagamaan agama lain		<p>Rebat cukai ini diberikan kepada mana-mana individu yang meninggalkan Malaysia melalui udara untuk tujuan menunaikan umrah atau ziarah ke tempat suci untuk tujuan keagamaan agama lain tetapi BUKAN untuk menunaikan haji.</p> <p>Rebat yang dibenarkan adalah bersamaan <b>amaun levi pelepasan yang dibayar</b> tetapi tuntutan adalah <b>terhad kepada dua (2) kali perjalanan seumur hidup</b>.</p> <p>Kelayakan tuntutan hendaklah dibuktikan dengan dokumen berikut:-</p> <p>a) pas masuk (<i>boarding pass</i>); dan</p> <p>b) bagi kes:</p> <p>(i) <b>umrah</b> - salinan visa yang dikeluarkan oleh kedutaan Arab Saudi</p> <p>(ii) <b>ziarah ke tempat suci untuk tujuan keagamaan agama lain</b> - pengesahan perjalanan yang sah daripada badan keagamaan yang diiktiraf di bawah Jawatankuasa Mempromosi Persefahaman Dan Keharmonian Antara Penganut Agama, Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional di Jabatan Perdana Menteri.</p> <table border="1" data-bbox="552 712 1505 969"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Negara / Kelas</th> <th colspan="2">Negara ASEAN</th> <th colspan="2">Selain negara ASEAN</th> </tr> <tr> <th>Kelas ekonomi</th> <th>Selain kelas ekonomi</th> <th>Kelas ekonomi</th> <th>Selain kelas ekonomi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kadar levi pelepasan</td> <td>RM8</td> <td>RM50</td> <td>RM20</td> <td>RM150</td> </tr> <tr> <td colspan="5"><b>Nota:</b> 'Negara ASEAN' ertinya Brunei Darussalam, Negara Cambodia, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Negara Thailand atau Republik Sosialis Vietnam.</td> </tr> </tbody> </table> <p>P.U. (A) 213/2019 (Kadar Levi Pelepasan) dan subseksyen 6A(2A) ACP 1967.</p>	Negara / Kelas	Negara ASEAN		Selain negara ASEAN		Kelas ekonomi	Selain kelas ekonomi	Kelas ekonomi	Selain kelas ekonomi	Kadar levi pelepasan	RM8	RM50	RM20	RM150	<b>Nota:</b> 'Negara ASEAN' ertinya Brunei Darussalam, Negara Cambodia, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Negara Thailand atau Republik Sosialis Vietnam.				
Negara / Kelas	Negara ASEAN			Selain negara ASEAN																	
	Kelas ekonomi	Selain kelas ekonomi	Kelas ekonomi	Selain kelas ekonomi																	
Kadar levi pelepasan	RM8	RM50	RM20	RM150																	
<b>Nota:</b> 'Negara ASEAN' ertinya Brunei Darussalam, Negara Cambodia, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Negara Thailand atau Republik Sosialis Vietnam.																					
Zakat dan fitrah		Bayaran dalam tahun asas bagi zakat dan fitrah yang wajib dibayar. Subseksyen 6A(3) ACP 1967.																			
B15	Tolakan cukai seksyen 110 (lain-lain)	<p>Sila buat pengiraan di Helaian Kerja HK-6 untuk tolakan cukai seksyen 110 ke atas lain-lain pendapatan seperti faedah, royalti, pendapatan seksyen 4A dan pendapatan daripada amanah.</p> <p>Tolakan cukai di Seksyen 110 (lain-lain) TIDAK termasuk bayaran cukai pegangan yang tertakluk di bawah Seksyen 107A ACP 1967.</p> <p>Sertakan Helaian Kerja HK-6 sekiranya tuan layak menuntut pembayaran balik. Amaun B dari Helaian Kerja HK-6.</p>																			
	Pelepasan cukai seksyen 132	<p>Pelepasan cukai berhubung dengan pendapatan yang dibawa masuk ke Malaysia di mana cukai telah dikenakan di negara asal yang telah memeterai perjanjian pengelakan pencukaian dua kali (PPPDK) dengan Malaysia.</p> <p>Rujuk Lampiran F untuk senarai negara-negara yang telah memeterai PPPDK dengan Malaysia.</p> <p>Rujuk Jadual 7 ACP 1967 dan Helaian Kerja HK-8 untuk membuat pengiraan kredit.</p>																			
	Pelepasan cukai seksyen 133	<p>Pelepasan cukai berhubung dengan pendapatan yang dibawa masuk ke Malaysia di mana cukai telah dikenakan di negara asal yang TIDAK memeterai perjanjian pengelakan pencukaian dua kali (PPPDK) dengan Malaysia.</p> <p>Rujuk Jadual 7 ACP 1967 dan Helaian Kerja HK-9 untuk membuat pengiraan kredit.</p>																			
B16	Cukai kena dibayar	B14 tolak B15. Jika jumlah B15 melebihi B14, isikan "0" di ruang ini.																			
B17	Cukai kena dibayar balik	B15 tolak B14.																			



B18	Ansuran / potongan cukai bulanan (PCB) yang telah dibayar untuk pendapatan tahun 2019 – SENDIRI dan SUAMI / ISTERI bagi taksiran bersama	<p>Potongan Cukai Bulanan (PCB) yang dibuat oleh majikan dalam tahun 2019 ke atas pendapatan berikut hendaklah dimasukkan dalam ruang ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendapatan tahun 2019;</li> <li>- Pendapatan penggajian bagi tahun-tahun kebelakangan (termasuk bonus, fi pengarah, tunggakan dan lain-lain) yang dibayar dalam tahun 2019; dan</li> <li>- Pendapatan penggajian tahun lain yang dibayar secara pendahuluan dalam tahun 2019.</li> </ul> <p><i>Contoh:</i> Gaji bulan Januari 2020 dibayar pada bulan Disember 2019 dan PCB dibayar pada atau sebelum 15 Januari 2020.</p> <p>Ini <b>tidak termasuk</b> bayaran tunggakan cukai bagi tahun taksiran kebelakangan.</p> <p>Guna Helaian Kerja HK-10 untuk membuat pengiraan. Pindahkan amaun E dari Helaian Kerja HK-10 ke ruang ini.</p> <p>Bagi Taksiran Bersama - Jumlahkan bayaran ansuran / PCB yang telah dibayar oleh suami / isteri dan masukkan ke dalam ruang ini.</p>
B19	Baki cukai kena dibayar	<p>B16 tolak B18.</p> <p>Jelaskan baki ini dalam tempoh yang ditetapkan. Pembayaran boleh dibuat melalui:</p> <p>(a) <b>ByrHaSiL</b> di Portal Rasmi LHDNM, <a href="https://byrhasil.hasil.gov.my">https://byrhasil.hasil.gov.my</a>.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran melalui FPX (<i>Financial Process Exchange</i>) di <a href="https://byrhasil.hasil.gov.my/fpx.php">https://byrhasil.hasil.gov.my/fpx.php</a>.</li> <li>• Bayaran melalui kad kredit Visa, Mastercard &amp; American Express di <a href="https://byrhasil.hasil.gov.my/creditcard/">https://byrhasil.hasil.gov.my/creditcard/</a>.</li> </ul> <p>(b) <b>Bank yang dilantik.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kaunter CIMB Bank Berhad (CIMB), Public Bank Berhad (PBB), Malayan Banking Berhad (Maybank), Affin Bank Berhad (ABB), RHB Bank Berhad (RHB), Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Rakyat dengan menggunakan slip bayaran yang disediakan oleh bank.</li> <li>• perbankan internet CIMB, PBB, Maybank, Hong Leong Bank, RHB, Alliance Bank &amp; Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Perbankan Mudah Alih-i TAP Bank Islam dan perbankan telefon Maybank.</li> <li>• <i>Auto Teller Machine</i> (ATM) PBB, Maybank, CIMB &amp; RHB, Mesin Deposit Cek PBB dan Mesin Deposit Tunai CIMB &amp; Maybank.</li> </ul> <p>(c) Kad kredit Visa, Mastercard &amp; American Express di kaunter Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Cawangan Kota Kinabalu dan Cawangan Kuching.</p> <p>(d) <b>Kaunter bayaran LHDNM</b> di Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Cawangan Kota Kinabalu dan Cawangan Kuching atau pos.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cek, kiriman wang dan draf bank hendaklah dipalang dan dibayar kepada <b>Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri</b>.</li> <li>• Gunakan Slip Pengiriman Bayaran (CP501) yang boleh diperolehi di <a href="http://www.hasil.gov.my">http://www.hasil.gov.my</a>.</li> <li>• Bayaran melalui pos hendaklah dihantar secara berasingan daripada borang nyata. Bayaran TUNAI tidak boleh dibuat melalui pos.</li> </ul> <p>(e) <b>Pos Malaysia Berhad</b> - Kaunter dan Pos Online.</p>
	Cukai terlebih bayar	<p>B18 tolak B16.</p> <p>Tandakan 'X' dalam kotak yang disediakan jika cukai terlebih bayar.</p>

## AKUAN

Borang nyata yang tidak ditandatangani akan dianggap tidak lengkap dan tidak akan diproses, dan Surat Pemberitahuan Borang Nyata Tidak Lengkap akan dikeluarkan kepada tuan sebagai makluman. Penggunaan cap tandatangan tidak dibenarkan. Penalti akan dikenakan jika berlaku kelewatan dalam mengemukakan semula borang nyata kepada LHDNM.

BAHAGIAN C	MAKLUMAT SUAMI / ISTERI
------------	-------------------------

C1 – C4	Isikan maklumat yang berkenaan sahaja. Sekiranya tuan mempunyai lebih daripada seorang isteri, sila berikan maklumat isteri-isteri tuan yang lain di lampiran tambahan mengikut format C1 hingga C4 dan kemukakan bersama Borang BE.
---------------	--

BAHAGIAN D	MAKLUMAT LAIN
------------	---------------

D1	No. telefon	Nombor telefon pejabat / firma ejen cukai / rumah. Sila pastikan maklumat ini adalah betul dan tepat. Maklumat ini akan digunakan untuk tujuan rasmi LHDNM.
----	-------------	---

	No. telefon bimbit	<p>Pastikan maklumat ini adalah betul. Maklumat ini hanya untuk kegunaan rasmi LHDNM sahaja.</p> <p><b>Nota:</b> Salah satu ruangan sama ada No. telefon bimbit (D1) atau e-Mel (D2) wajib diisi semasa pengemukaan secara e-Filing.</p>
--	--------------------	--

D2	e-Mel	<p>Pastikan maklumat ini adalah betul. Maklumat ini hanya untuk kegunaan rasmi LHDNM sahaja.</p> <p><b>Nota:</b> Salah satu ruangan sama ada e-Mel (D2) atau No. telefon bimbit (D1) wajib diisi semasa pengemukaan secara e-Filing.</p>
----	-------	--

D3 & D4	Nama bank & No. akaun bank	Untuk tujuan pembayaran balik kredit (jika ada) oleh LHDNM, nyatakan nama bank dan nombor akaun di bank yang berkenaan.
---------------	----------------------------	---

D5	No. majikan	Isikan nombor rujukan E majikan yang terkini.
----	-------------	---

D6	Mempunyai akaun kewangan di institusi kewangan di luar negara	<p>Isikan: '1' jika mempunyai akaun kewangan di institusi kewangan di luar Malaysia atau '2' jika tiada / tidak berkenaan.</p> <p>Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal Rasmi LHDNM, <a href="http://www.hasil.gov.my">http://www.hasil.gov.my</a> &gt; Antarabangsa &gt; Pertukaran Automatik Maklumat (AEOI) &gt; <i>Common Reporting Standard (CRS)</i></p> <p>'Akaun kewangan' dan 'institusi kewangan' adalah seperti ditakrifkan dalam <i>CRS Guidance Notes</i> di pautan tersebut.</p>
----	---	--

D7a	Melupuskan aset di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976	<p>Merujuk kepada aset yang boleh dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.</p> <p>Isikan '1' untuk 'Ya' sekiranya ada melupuskan aset, dan isi juga ruang D7b. Isi '2' untuk 'Tidak' jika tidak berkenaan.</p>
-----	---	--

D7b	Melaporkan pelupusan tersebut kepada LHDNM	<p>Isikan '1' ('Ya') jika telah melaporkan pelupusan berkenaan kepada LHDNM atau '2' ('Tidak') jika belum.</p> <p>Sekiranya belum dilaporkan, sila hubungi cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan pelupus. Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal Rasmi LHDNM, <a href="http://www.hasil.gov.my">http://www.hasil.gov.my</a>.</p>
-----	--	---

BAHAGIAN E:	DERMA / HADIAH / SUMBANGAN
-------------	----------------------------

**Hadiah wang kepada Kerajaan / Kerajaan Negeri / pihak berkuasa tempatan**  
Subseksyen 44(6) ACP 1967.

**Hadiah wang kepada institusi / organisasi / tabung yang diluluskan**

Hadiah wang kepada institusi / organisasi / tabung yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Subseksyen 44(6) dan proviso, ACP 1967.

**Hadiah wang bagi aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan**

Subseksyen 44(11B) dan proviso, ACP 1967.

**Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat bagi projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan**

Subseksyen 44(11C) dan proviso, ACP 1967.

Terhad kepada 7% daripada B4

**Hadiah artifak, manuskrip atau lukisan**

Hadiah artifak, manuskrip atau lukisan kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Jabatan Muzium Malaysia atau Jabatan Arkib Negara.

Subseksyen 44(6A) ACP 1967.

**Hadiah wang untuk kemudahan perpustakaan atau kepada perpustakaan**

Hadiah wang yang tidak melebihi RM20,000 bagi menyediakan kemudahan perpustakaan awam serta perpustakaan sekolah dan institusi pendidikan tinggi.

Subseksyen 44(8) ACP 1967.

**Hadiah wang atau sumbangan manfaat bagi menyediakan kemudahan di tempat awam untuk orang yang kurang upaya**

Hadiah wang atau sumbangan dalam bentuk barangan bagi memperuntukkan kemudahan di tempat awam untuk manfaat orang yang kurang upaya berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan.

Subseksyen 44(9) ACP 1967.

**Hadiah wang atau kos peralatan perubatan kepada badan rawatan kesihatan yang diluluskan oleh Menteri Kesihatan**

Hadiah wang atau sumbangan peralatan perubatan (kos atau nilainya disahkan oleh Kementerian Kesihatan) tidak melebihi RM20,000 kepada pusat kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan.

Subseksyen 44(10) ACP 1967.

**Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri**

Hadiah lukisan adalah berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Balai Seni Lukis Negara atau mana-mana balai seni lukis negeri.

Subseksyen 44(11) ACP 1967.

**BAHAGIAN F****PELEPASAN**

Resit dan dokumen sokongan hendaklah disimpan selama tempoh tujuh (7) tahun bermula daripada akhir tahun dalam mana borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada LHDNM, untuk tujuan rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.

Rujukan:

Pencukaaian Individu Bermastautin

- Bahagian I - Hadiah Atau Sumbangan Dan Potongan Yang Dibenarkan (Ketetapan Umum No. 4/2018)
- Bahagian II - Pengiraan Jumlah Pendapatan Dan Pendapatan Yang Boleh Dikenakan Cukai (Ketetapan Umum No. 5/2018); dan
- Bahagian III - Pengiraan Cukai Pendapatan Dan Cukai Kena Bayar (Ketetapan Umum No. 6/2018)

F1	Individu dan saudara tanggungan	Pelepasan diri berjumlah <b>RM9,000</b> untuk diri sendiri dan saudara tanggungan diberi secara automatik. Perenggan 46(1)(a) ACP 1967.
F2a	Perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga untuk ibu bapa	Perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga untuk ibu bapa dibenarkan sebagai <b>potongan sehingga RM5,000</b> . Ibu bapa merujuk kepada ibu bapa kandung atau ibu bapa angkat jika individu itu adalah seorang anak angkat.

		<p>Perbelanjaan rawatan perubatan ibu bapa yang layak termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) rawatan perubatan dan perkhidmatan penjagaan yang diperuntukkan oleh rumah penjagaan; dan</li> <li>(ii) rawatan pergigian yang dihadkan kepada mencabut gigi, menampal gigi dan membersihkan karang gigi tetapi tidak termasuk rawatan kosmetik seperti menggantikan dan membaik pulih gigi yang melibatkan penyatuan, <i>root canal</i> dan gigi palsu.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tuntutan mestilah disokong oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) yang mengesahkan bahawa keadaan kesihatan ibu bapa memerlukan rawatan perubatan, keperluan khas atau perkhidmatan penjagaan.</li> <li>• Ibu bapa mestilah bermastautin di Malaysia.</li> <li>• Rawatan perubatan dan perkhidmatan penjagaan hendaklah disediakan di Malaysia.</li> </ul> <p>Bagi kes penjaga, mestilah dibuktikan dengan resit atau perakuan bertulis oleh penjaga atau salinan permit kerja penjaga.</p> <p>'Penjaga' tidak termasuk individu, suami / isteri atau anak individu berkenaan.</p> <p>Perenggan 46(1)(c) ACP 1967</p>
F2b	Ibu dan bapa	<p>Potongan ini berkuat kuasa bagi <b>Tahun Taksiran 2016 hingga 2020</b>.</p> <p>Syarat-syarat tuntutan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Individu yang LAYAK menuntut potongan ini adalah <b>anak kandung atau anak angkat yang sah di bawah undang-undang. Tuntutan potongan ini TIDAK dibenarkan ke atas ibu bapa tiri.</b></li> <li>(ii) Individu TIDAK menuntut potongan di ruang F2a bagi perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga untuk ibu bapa bagi tahun asas yang sama.</li> <li>(iii) Potongan yang dibenarkan adalah <b>RM1,500 bagi hanya seorang ibu dan RM1,500 bagi hanya seorang bapa</b>. Jika lebih daripada seorang individu menuntut potongan ini, amaun potongan tersebut perlu dibahagi sama rata mengikut bilangan individu yang menuntut berhubung ibu atau bapa yang sama.</li> <li>(iv) Ibu bapa adalah bermastautin mengikut peruntukan seksyen 7 ACP 1967 dan berumur 60 tahun dan ke atas pada bila-bila masa dalam tahun asas.</li> <li>(v) Pendapatan tahunan (daripada semua punca sama ada dikenakan cukai atau tidak) setiap ibu atau bapa TIDAK melebihi RM24,000 seorang bagi tahun taksiran berkenaan.</li> </ul> <p>Jika lebih daripada seorang individu menuntut potongan ini, Helaiian Kerja HK-15 perlu dilengkapkan dan disimpan untuk rujukan / semakan oleh LHDNM, apabila diperlukan kelak.</p> <p>Perenggan 46(1)(o) ACP 1967.</p>
F3	Peralatan sokongan asas untuk kegunaan sendiri, suami / isteri, anak atau ibu bapa yang kurang upaya	<p>Perbelanjaan membeli peralatan sokongan asas dibenarkan potongan sehingga <b>RM6,000</b> untuk kegunaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) diri sendiri, jika dia kurang upaya; atau</li> <li>(ii) pasangannya, jika pasangan kurang upaya; atau</li> <li>(iii) anak, jika anak kurang upaya; atau</li> <li>(iv) ibu bapa, jika ibu bapa kurang upaya.</li> </ul> <p>Potongan ini TIDAK dibenarkan jika peralatan sokongan asas dibeli untuk individu kurang upaya yang tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai orang kurang upaya.</p> <p>Alat sokongan asas termasuk mesin hemodialisis, kerusi roda, kaki palsu dan alat pendengaran tetapi TIDAK termasuk cermin mata dan kanta lekap.</p> <p>Perenggan 46(1)(d) ACP 1967.</p>

F4	Individu yang kurang upaya	Potongan tambahan sebanyak <b>RM6,000</b> dibenarkan sekiranya individu itu kurang upaya. Individu layak menuntut potongan ini sekiranya beliau telah disahkan secara bertulis oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai seorang yang kurang upaya. Perenggan 46(1)(e) ACP 1967.
F5	Yuran pengajian (sendiri)	Potongan <b>sehingga RM7,000</b> boleh dituntut ke atas yuran yang dibelanjakan bagi mengikuti kursus pengajian berikut di mana-mana institusi tempatan atau badan profesional di Malaysia yang yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau diluluskan oleh Menteri Kewangan:-  (i) <b>Selain ijazah di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah</b> Sebarang kursus pengajian sehingga peringkat tertiar bagi tujuan memperoleh kemahiran atau kelayakan dalam bidang undang-undang, perakaunan, kewangan Islam yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti, teknikal, vokasional, industri, saintifik atau teknologi.  (ii) <b>Ijazah di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah</b> Sebarang kursus pengajian bagi tujuan memperoleh kemahiran atau kelayakan. Sila rujuk senarai institusi tempatan atau badan profesional di Malaysia yang diiktiraf di laman rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia di <a href="http://www.moe.gov.my">www.moe.gov.my</a> . Perenggan 46(1)(f) ACP 1967.
F6	Perbelanjaan perubatan bagi penyakit serius ke atas diri sendiri, suami / isteri atau anak	Perbelanjaan perubatan bagi penyakit serius termasuk rawatan dibuat ke atas penyakit seperti sindrom Kurang Daya Ketahanan (AIDS), sindrom Parkinson, barah, penyakit buah pinggang, leukemia dan lain-lain penyakit yang serupa. 'Lain-lain penyakit yang serupa' termasuk serangan jantung, <i>pulmonari hypertension</i> , penyakit hati kronik, <i>fulminant viral hepatitis</i> , trauma kepala dengan defisit nurologikal, ketumbuhan otak dan kecacatan kepada pembuluh darah, melepuh dan melecur yang keterlaluan, pemindahan organ utama dan pemotongan kaki dan / atau tangan.  Potongan <b>sehingga RM6,000</b> dibenarkan ke atas amaun yang dibelanjakan untuk rawatan ke atas diri sendiri, pasangan atau anak tetapi jumlah potongan untuk <b>F6 dan F7 adalah terhadap kepada RM6,000</b> .  Resit perbelanjaan rawatan dan perakuan yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan oleh LHDNM, apabila diperlukan kelak. Perenggan 46(1)(g) ACP 1967.
F7	Pemeriksaan perubatan penuh ke atas diri sendiri, suami / isteri atau anak	Pemeriksaan perubatan penuh bermaksud pemeriksaan secara menyeluruh seperti mana yang ditakrifkan oleh Majlis Perubatan Malaysia (MPM). Potongan yang dibenarkan bagi pelepasan ini adalah <b>terhadap kepada RM500</b> untuk diri sendiri, pasangan atau anak, tetapi jumlah potongan untuk <b>F6 dan F7 adalah terhadap kepada RM6,000</b> . Perenggan 46(1)(h) ACP 1967.

F8	GAYA HIDUP		<p><b>Terhad kepada RM2,500</b></p>
F8 (i)	Pembelian buku / jurnal / majalah / surat khabar bercetak / lain-lain penerbitan seumpamanya	<p>Perbelanjaan bagi pembelian buku, jurnal, majalah, surat khabar bercetak dan lain-lain penerbitan seumpamanya (dalam bentuk <i>hardcopy</i> atau elektronik tetapi <b>TIDAK termasuk bahan bacaan yang terlarang seperti majalah lucah</b>) untuk kegunaan diri sendiri, pasangan atau anak dibenarkan sebagai potongan.</p> <p>Subperenggan 46(1)(p)(i) ACP 1967.</p>	
F8(ii)	Pembelian komputer peribadi, telefon pintar atau tablet	<p>Perbelanjaan bagi pembelian komputer peribadi, telefon pintar (<i>smartphone</i>) atau tablet [<b>TIDAK termasuk caj tambahan jaminan (<i>warranty</i>)</b>] untuk kegunaan diri sendiri, pasangan atau anak, dan <b>BUKAN digunakan untuk tujuan perniagaan</b>.</p> <p>Subperenggan 46(1)(p)(ii) ACP 1967.</p>	
F8(iii)	Pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan mengikut Akta Pembangunan Sukan 1997 dan bayaran keahlian gimnasium	<p>Perbelanjaan untuk kegunaan diri sendiri, pasangan atau anak bagi:</p> <p>(a) pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan mengikut jenis sukan yang disenaraikan dalam Akta Pembangunan Sukan 1997. Peralatan sukan termasuk alat-alat yang mempunyai jangka hayat yang singkat seperti bola golf dan bulu tangkis tetapi <b>TIDAK TERPAKAI kepada jenis basikal bermotor</b>; serta</p> <p>(b) bayaran keahlian gimnasium (<b>TIDAK TERMASUK keahlian kelab yang menyediakan kemudahan gimnasium</b>).</p> <p>Subperenggan 46(1)(p)(iii) ACP 1967.</p>	
F8(iv)	Bayaran bil bulanan bagi langganan untuk internet	<p>Bayaran bil bulanan bagi langganan internet yang <b>didaftarkan atas nama individu</b> untuk kegunaan sendiri, pasangan dan anak.</p> <p>Subperenggan 46(1)(p)(iv) ACP 1967.</p>	
F9	Pembelian peralatan penyusuan ibu untuk diri sendiri bagi anak berumur 2 tahun dan ke bawah	<p>(a) Potongan ini dibenarkan khusus untuk <b>pembayar cukai wanita</b>, dengan syarat individu:</p> <p>(i) adalah ibu yang menyusukan anak;</p> <p>(ii) telah melakukan perbelanjaan <b>atas pembelian peralatan penyusuan ibu untuk kegunaannya bagi menyusukan anaknya yang berumur 2 tahun dan ke bawah</b>; dan</p> <p>(iii) membuat tuntutan yang disokong dengan resit atas pembelian.</p> <p>(b) <b>Peralatan penyusuan ibu yang layak</b> mendapat potongan adalah:</p> <p>(i) set pam susu dan pek ais (<i>breast pump kit</i> dan <i>ice pack</i>);</p> <p>(ii) bekas pengumpulan dan penyimpanan susu (<i>breast milk collection and storage equipment</i>); serta</p> <p>(iii) set penyejuk atau beg penyejuk (<i>cooler set / bag</i>).</p> <p>(c) Amaun potongan adalah <b>terhad kepada RM1,000</b> walaupun individu berkenaan mempunyai lebih daripada seorang anak.</p> <p>(d) Potongan hanya <b>dibenarkan SEKALI setiap dua (2) tahun taksiran</b>.</p> <p>(e) <b>Dalam kes taksiran bersama, potongan ini hanya dibenarkan sekiranya taksiran dibangkitkan atas nama isteri</b>.</p> <p>Perenggan 46(1)(q) ACP 1967 (mulai Tahun Taksiran 2017).</p>	

		<p><b>Contoh 1: Taksiran Bersama Atas Nama Isteri</b></p> <p>Puan Arina telah melahirkan anak pada tahun 2019 dan telah membeli peralatan penyusuan ibu berjumlah RM1,700. Suaminya yang bukan pemastautin tetapi warganegara Malaysia telah memilih taksiran bersama atas nama isterinya.</p> <p>Puan Arina layak menuntut pelepasan ini tetapi terhad kepada RM1,000.</p> <p><b>Contoh 2: Taksiran Bersama Atas Nama Suami</b></p> <p>Puan Sally telah melahirkan anak pada tahun 2019 dan telah membeli peralatan penyusuan ibu berjumlah RM1,300. Puan Sally telah memilih taksiran bersama atas nama suaminya.</p> <p>Tuntutan potongan ini TIDAK dibenarkan kerana taksiran dibuat atas nama suami Puan Sally.</p>
F10	<p>Yuran penghantaran anak berumur 6 tahun dan ke bawah ke taman asuhan kanak-kanak / tadika yang berdaftar</p>	<p>Potongan ini dibenarkan berhubung <b>yuran penghantaran anak yang berumur 6 tahun dan ke bawah ke:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– <b>taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar</b> dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan tertakluk pada Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; atau</li> <li>– <b>tadika yang berdaftar</b> dengan Jabatan Pendidikan Negeri di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan tertakluk pada Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).</li> </ul> <p>Potongan ini <b>terhad kepada RM1,000</b> walaupun bilangan anak yang memenuhi syarat-syarat tersebut melebihi satu. Sekiranya amaun tuntutan kurang daripada RM1,000, amaun potongan yang dibenarkan adalah <b>terhad kepada amaun yang dibayar</b> sahaja.</p> <p>Sekiranya taksiran suami dan isteri dibuat secara berasingan, potongan cukai di bawah perenggan ini hanya boleh dituntut sama ada oleh suami <b>ATAU</b> isteri yang melakukan perbelanjaan tersebut.</p> <p>Bagi pasangan yang sudah bercerai, potongan cukai ini layak dituntut oleh bekas suami dan bekas isteri dengan syarat kedua-duanya telah membuat pembayaran bagi yuran penjagaan anak dan anak tersebut bukan anak yang sama.</p> <p>Tuntutan potongan ini hendaklah disokong dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• dokumen kelahiran anak (MyKid atau sijil kelahiran); dan</li> <li>• resit pembayaran yuran bulanan yang dikeluarkan oleh taman asuhan kanak-kanak atau tadika tersebut.</li> </ul> <p>Perenggan 46(1)(r) ACP 1967 (mulai Tahun Taksiran 2017).</p>

**Contoh 1: Pasangan suami isteri (tinggal bersama)**

Senario	Bil. anak	Perbelanjaan atas anak (RM)		Jenis taksiran	Siapa layak menuntut & amaun (RM)	Catatan
		Suami	Isteri			
a	1	600	500	Berasingan	Suami - 600 <b>ATAU</b> Isteri - 500	Hanya seorang layak menuntut (terhad kepada amaun yang dibelanjakan)
b	2	1,200 (anak no. 1)	1,400 (anak no. 2)	Berasingan	Suami - 1,000 <b>ATAU</b> Isteri - 1,000	Hanya seorang layak menuntut (terhad kepada amaun RM1,000)
c	2	1,500 (anak no. 1 & 2)		Berasingan	Suami - 1,000	Terhad kepada amaun RM1,000
d	3	1,200 (anak no. 1 & 2)	1,100 (anak no. 3)	Berasingan	Suami - 1,000 <b>ATAU</b> Isteri - 1,000	Hanya seorang layak menuntut (terhad kepada amaun RM1,000)
e	2	900 (anak no. 1)	1,100 (anak no. 2)	Berasingan	Suami - 900 <b>ATAU</b> Isteri - 1,000	Hanya seorang layak menuntut berdasarkan amaun perbelanjaan layak atau terhad kepada amaun RM1,000
f	1	600	300	Bersama	Suami - 900 <b>ATAU</b> Isteri - 900	Perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan dianggap telah dibelanjakan oleh suami / isteri yang mana taksiran dibangkitkan atas namanya (terhad kepada amaun yang dibelanjakan)
g	2	900 (anak no. 1)	1,100 (anak no. 2)	Bersama	Suami - 1,000 <b>ATAU</b> Isteri - 1,000	Perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan dianggap telah dibelanjakan oleh suami / isteri yang mana taksiran dibangkitkan atas namanya (terhad kepada amaun RM1,000)

**Contoh 2: Pasangan bercerai**

Senario	Bil. Anak	Perbelanjaan atas anak (RM)		Siapa layak menuntut & amaun (RM)	Catatan
		Bekas suami	Bekas isteri		
a	1	800		Bekas suami - 800	Hanya layak menuntut RM800 (terhad kepada amaun yang dibelanjakan)
b	1	1,400	1,200	Bekas suami - 1,000 <b>ATAU</b> Bekas isteri - 1,000	Hanya seorang layak menuntut (terhad kepada amaun RM1,000)
c	2	1,400 (anak no. 1)	1,200 (anak no. 2)	Bekas suami - 1,000 <b>DAN</b> Bekas isteri - 1,000	- Bekas suami menuntut RM1,000 - Bekas isteri menuntut RM1,000 (dengan syarat tuntutan dibuat atas anak yang berlainan)
d	3	1,200 (anak no. 1)	800 (anak no. 2) & 600 (anak no. 3)	Bekas suami - 1,000 <b>DAN</b> Bekas isteri - 1,000	- Bekas suami menuntut RM1,000 - Bekas isteri menuntut RM1,000 (dengan syarat tuntutan dibuat atas anak yang berlainan)



F11	Tabungan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)	<p>Pelepasan ini berkuat kuasa bagi <b>tahun-tahun taksiran 2019 dan 2020</b>.  Simpanan ke dalam tabung SSPN oleh seseorang individu untuk membiayai pelajaran anak-anak dibenarkan sebagai potongan yang <b>terhad kepada RM8,000</b>. Potongan yang dituntut adalah terhad kepada amaun tabungan bersih yang dilakukan di dalam sesuatu tahun sahaja.</p> <p><i>Contoh:</i> Dalam tahun 2019,  Baki Bawa Hadapan: RM4,500;  Simpanan : RM2,000; dan  Pengeluaran : RM1,500.</p> <p>Potongan yang layak dituntut adalah <b>RM500</b> (RM2,000 – RM1,500).  Baki Bawa Hadapan sebanyak RM4,500 tidak diambil kira.  Perenggan 46(1)(k) ACP 1967.</p>
F12	Suami / isteri / bayaran alimoni kepada bekas isteri	<p><input type="checkbox"/> Potongan bagi suami sebanyak <b>RM4,000</b> diberi kepada isteri jika suami tiada punca pendapatan / tiada jumlah pendapatan; atau suami telah memilih taksiran bersama atas nama isterinya. Potongan ini hanya layak dituntut oleh seorang isteri sahaja walaupun suami mempunyai lebih daripada seorang isteri.  Subseksyen 45A(1) ACP 1967.</p> <p><b>Mulai Tahun Taksiran 2017, potongan bagi suami TIDAK dibenarkan jika suami (bukan suami kurang upaya) menerima pendapatan kasar yang melebihi RM4,000 daripada punca luar Malaysia.</b>  Subseksyen 45A(2) ACP 1967.</p> <p><input type="checkbox"/> Potongan bagi isteri sebanyak <b>RM4,000</b> diberi kepada individu yang mempunyai isteri yang tinggal bersamanya dalam tahun asas, dan isteri tiada punca pendapatan / jumlah pendapatan; atau isteri telah memilih taksiran bersama atas nama suaminya.  Perenggan 47(1)(a) dan subseksyen 47(5) ACP 1967.</p> <p><b>Mulai Tahun Taksiran 2017, potongan bagi isteri TIDAK dibenarkan jika isteri (bukan isteri kurang upaya) menerima pendapatan kasar yang melebihi RM4,000 daripada punca luar Malaysia.</b>  Subseksyen 47(6) ACP 1967.</p> <p><input type="checkbox"/> Potongan bagi bayaran alimoni / nafkah kepada bekas isteri adalah terhad kepada RM4,000 atau amaun sebenar yang dibayar jika amaun bayaran alimoni / nafkah kurang daripada potongan yang dibenarkan. Jumlah potongan bagi isteri yang tinggal bersama dan potongan bagi bayaran alimoni / nafkah kepada bekas isteri adalah terhad kepada <b>RM4,000</b>.  Bayaran alimoni / nafkah secara sukarela kepada bekas isteri di bawah perjanjian bersama tanpa sebarang perjanjian rasmi tidak layak dituntut sebagai potongan.  Subseksyen 47(2) dan 47(3) ACP 1967.</p>
F13	Suami / isteri yang kurang upaya	<p>Potongan tambahan sebanyak <b>RM3,500</b> diberi bagi suami / isteri yang kurang upaya.  Perenggan 47(1)(b) dan seksyen 45A ACP 1967.</p>
F14	Anak <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan</li> <li>• Kelayakan 100%</li> <li>• Kelayakan 50%</li> </ul>	<p>Rujuk Helaian Kerja HK-13.</p> <p><u>Bilangan</u>  Isikan jumlah bilangan anak yang layak dituntut pelepasan sepenuhnya (Kelayakan 100%) atau sebahagiannya (Kelayakan 50%) oleh individu.</p> <p><u>Kelayakan 100%</u>  Ruang ini untuk diisi oleh individu yang layak menuntut pelepasan anak sepenuhnya.</p>

**Kelayakan 50%**  
 Ruang ini hanya berkenaan jika dua atau lebih individu (bukan suami isteri yang tinggal bersama) layak menuntut potongan berhubung bayaran yang dibuat ke atas anak yang sama, dan setiap individu tersebut layak menuntut 50% daripada pelepasan yang dibenarkan sebagai potongan. Contohnya, apabila berlaku perceraian dan terdapat dua atau lebih individu yang layak menuntut potongan ke atas anak yang sama.

Bagi Taksiran Berasingan, individu dan suami / isteri perlu memilih pelepasan ke atas setiap anak yang ingin dituntut masing-masing.

*Contoh:*  
 Ali mempunyai lima (5) orang anak dan memilih taksiran berasingan. Bilangan anak yang boleh dituntut oleh Ali dan isteri sebagai pelepasan ialah:

	Ali	Isteri		Ali	Isteri
(i)	5	0	(iv)	2	3
(ii)	4	1	(v)	1	4
(iii)	3	2	(vi)	0	5

Potongan untuk anak adalah tidak dibenarkan sekiranya anak berkenaan menerima jumlah pendapatan yang melebihi potongan yang dibenarkan untuk anak tersebut.

Walau bagaimanapun, penerimaan berikut tidak boleh dianggap sebagai pendapatan anak:

- Amaun yang diterima sebagai biasiswa, geran atau elaun yang serupa dengannya – perenggan 24 Jadual 6 ACP 1967; dan
- Pembayaran yang diterima oleh anak yang berkhidmat dengan majikan di bawah suatu ikatan artikel atau indentur.

Subseksyen 48(5) ACP 1967.

F14a Anak - Di bawah umur 18 tahun  
 Potongan bagi anak yang belum berkahwin dan berumur di bawah 18 tahun pada bila-bila masa dalam tahun semasa adalah sebanyak **RM2,000** seorang.  
 Perenggan 48(1)(a) dan 48(2)(a) ACP 1967.

F14b Anak - 18 tahun dan ke atas yang masih belajar  
 Pelepasan sebanyak **RM2,000** seorang dibenarkan jika anak belum berkahwin, berumur 18 tahun dan ke atas pada bila-bila masa dalam tahun semasa, serta menerima pendidikan sepenuh masa.  
 Perenggan 48(1)(b) & (c) dan 48(2)(a) ACP 1967.

ATAU

Pelepasan sebanyak **RM8,000** dibenarkan jika anak belum berkahwin, berumur 18 tahun dan ke atas pada bila-bila masa dalam tahun semasa, serta mematuhi syarat-syarat berikut:

- (i) mengikuti pengajian tinggi sepenuh masa (tidak termasuk kursus matrikulasi / pra ijazah / A-Level) di universiti, kolej atau institut pelajaran lain yang serupa dengannya di Malaysia; atau
- (ii) berkhidmat di bawah satu ikatan artikel atau indentur untuk memperoleh kelayakan perdagangan atau profesion di Malaysia; atau
- (iii) mengikuti kursus sepenuh masa **di luar Malaysia** di peringkat ijazah (termasuk ijazah di peringkat sarjana atau kedoktoran) atau yang setaraf dengannya.

Perenggan 48(3)(a) ACP 1967.

F14c Anak - Kurang upaya  
 Pelepasan anak kurang upaya yang belum berkahwin dibenarkan sebanyak **RM6,000**.  
 Pelepasan tambahan sebanyak **RM8,000** bagi anak yang kurang upaya yang belum berkahwin, berumur 18 tahun dan ke atas serta mematuhi syarat-syarat berikut:

- (i) mengikuti pengajian tinggi sepenuh masa (tidak termasuk kursus matrikulasi / pra ijazah / A-Level) di universiti, kolej atau institut pelajaran lain yang serupa dengannya di Malaysia; atau
  - (ii) berkhidmat di bawah satu ikatan artikel atau indentur untuk memperoleh kelayakan perdagangan atau profesion di Malaysia; atau
  - (iii) mengikuti kursus sepenuh masa **di luar Malaysia** di peringkat ijazah (termasuk ijazah di peringkat sarjana atau kedoktoran) atau yang setaraf dengannya.
- Individu layak mendapat pelepasan anak **RM14,000** sekiranya syarat-syarat di atas dipatuhi.
- Perenggan 48(1)(d), 48(3)(a) dan 48(2)(b) ACP 1967.

**F15 Insurans nyawa dan KWSP**

Helaian Kerja HK-14 boleh digunakan untuk tujuan pengiraan dan rekod.

- (a) Bayaran premium insurans nyawa atau caruman takaful atas polisi insurans nyawa yang menjamin nyawa individu, suami atau isteri / isteri-isteri dibenarkan potongan.
  - \* Bayaran premium insurans nyawa atas polisi yang menjamin nyawa anak TIDAK dibenarkan potongan.
- (b) Caruman kepada skim yang diluluskan (SELAIN daripada skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Contoh skim yang diluluskan ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
- (c) Potongan yang dibenarkan mulai Tahun Taksiran 2019:

Bil.	Jenis Caruman	Penjawat Awam Berpencen **	Selain Penjawat Awam Berpencen
i.	Bayaran premium insurans nyawa atau caruman takaful	Terhad RM7,000	Terhad RM3,000
ii.	Caruman kepada skim yang diluluskan (TIDAK termasuk skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis.		Terhad RM4,000
JUMLAH:			Terhad RM7,000

**\*\* Kategori penjawat awam berpencen**

Syarat-syarat tuntutan:

- ~ Penjawat awam mestilah seorang pegawai berpencen yang memilih skim persaraan berpencen dan telah disahkan jawatan menurut seksyen-seksyen 2, 6A dan 7 Akta Pencen 1980 (Akta 227);
- ~ Tidak membuat caruman kepada skim yang diluluskan (selain daripada skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

**Contoh 1:**

Puan Sally telah bersara dari sektor kerajaan mulai 1 April 2019. Mulai 1 Ogos 2019, beliau bekerja secara kontrak dengan syarikat swasta.

Caruman KWSP (Ogos – Disember 2019): RM2,500

Bayaran premium insurans nyawa (2019) : RM8,000

	Amaun Bayaran (RM)	Potongan Dibenarkan (RM)
Premium insurans nyawa	8,000	3,000 (terhad)
Caruman KWSP	2,500	2,500
<b>JUMLAH:</b>	10,500	<b>5,500</b>

**Contoh 2:**

Encik Manaf telah berhenti kerja dengan sebuah syarikat pada 30 Jun 2019. Dari 1 September 2019, beliau mula bekerja di sektor kerajaan.

Caruman KWSP (Januari – Jun 2019) : RM3,600

Bayaran premium insurans nyawa (2019) : RM7,200

	Amaun Bayaran (RM)	Potongan Dibenarkan (RM)
Premium insurans nyawa	7,200	3,000 *** (terhad)
Caruman KWSP	3,600	3,600
<b>JUMLAH:</b>	10,800	<b>6,600</b>

\*\*\* Encik Manaf adalah seorang penjawat awam mulai 1 September 2019 tetapi belum mencapai taraf berpencen kerana belum disahkan dalam jawatan mengikut seksyen 7 Akta Pencen 1980 (Akta 27).

### Taksiran Berasingan

Individu dan pasangan bermastautin yang memilih taksiran berasingan, masing-masing layak menuntut potongan seperti jadual di perenggan (c) di atas.

#### Contoh 3:

Encik Eddy dan isterinya, Milly yang bekerja dengan badan berkanun sejak tahun 2010, ditaksirkan secara berasingan bagi tahun taksiran 2019.

Potongan dibenarkan bagi tahun taksiran 2019 adalah seperti berikut:

	Caruman KWSP (RM)	Bayaran premium insurans nyawa (RM)	Potongan Dibenarkan (RM)
Eddy	8,000 (terhad 4,000)	3,800 (terhad 3,000)	7,000
Milly	3,500	2,400	5,900

### Taksiran Bersama

Premium insurans nyawa dan caruman KWSP yang dibayar oleh suami / isteri yang memilih taksiran bersama akan disifatkan telah dibuat oleh pasangannya.

#### Contoh 4:

Encik Samy adalah kakitangan awam berpencen yang memilih skim persaraan berpencen \* manakala isterinya, Prema bekerja di sektor swasta.

Puan Prema telah memilih taksiran bersama atas nama suaminya bagi tahun taksiran 2019.

	Caruman KWSP (RM)	Bayaran premium insurans nyawa (RM)	Potongan Dibenarkan (RM)
Samy	3,600 (Rujuk Nota *)	5,600	5,600
Prema	2,400	1,800	4,200
<b>JUMLAH</b>			<b>9,800</b>

Amaun yang dibenarkan potongan adalah terhad kepada RM7,000.

#### \* Nota:

Caruman KWSP yang dibuat oleh Encik Samy TIDAK DIBENARKAN potongan kerana beliau adalah seorang kakitangan awam kerajaan yang memilih skim persaraan berpencen.

- F16 **Skim persaraan swasta dan anuiti tertangguh ('Deferred Annuity')**
- Potongan ini berkuat kuasa mulai **Tahun Taksiran 2012 hingga 2021**.
  - Potongan **tidak melebihi RM3,000** dibenarkan bagi jumlah caruman yang dibuat kepada Skim Persaraan Swasta (SPS) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan bayaran premium untuk anuiti tertangguh.
  - Jumlah potongan bagi caruman kepada SPS dan bayaran premium untuk anuiti tertangguh adalah **terhad kepada RM3,000 untuk individu dan RM3,000 untuk pasangan yang mempunyai punca pendapatan**. Jika suami atau isteri memilih **taksiran bersama**, potongan yang dibenarkan bagi jumlah caruman kepada SPS dan bayaran premium anuiti tertangguh adalah **terhad kepada RM3,000**.
  - Rujuk Helaian Kerja HK-14.
  - **Rujukan:** Ketetapan Umum No. 4/2014 (Anuiti Tertangguh); dan Ketetapan Umum No.9/2014 (Skim Persaraan Swasta).
- Subseksyen 49(1D), 49(1E), 49(3), 50(2) dan 50(3) ACP 1967

F17	Insurans pendidikan dan perubatan	<p>Potongan <b>tidak melebihi RM3,000</b> bagi premium insurans yang dibayar atas polisi pendidikan atau manfaat perubatan untuk individu, pasangan atau anak.</p> <p>Potongan bagi jumlah bayaran premium insurans pendidikan dan premium insurans perubatan adalah <b>terhad kepada RM3,000 untuk individu dan RM3,000 untuk pasangan yang mempunyai punca pendapatan</b>. Jika suami atau isteri memilih <b>taksiran bersama</b>, potongan yang dibenarkan bagi jumlah bayaran premium insurans pendidikan dan premium insurans perubatan adalah terhad kepada <b>RM3,000</b>.</p> <p>Rujuk Helaian Kerja HK-14.</p> <p>Subseksyen 49(1B), 49(4) dan 50(2) ACP 1967.</p>
F18	Caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	<p>Potongan <b>tidak melebihi RM250</b> dibenarkan bagi sumbangan dalam tahun asas kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang dibuat atau ditanggung oleh individu mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.</p> <p>Perenggan 46(1)(n) ACP 1967.</p>
F19	Jumlah pelepasan	<p>Jumlah amaun dari ruang F1 hingga F18.</p> <p>Pindahkan amaun ini ke ruang B9.</p>
<b>BAHAGIAN G</b>		<b>PENDAPATAN BUKAN PENGGAJIAN BAGI TAHUN KEBELAKANGAN YANG BELUM DILAPORKAN</b>
G1 – G2	<p>Pendapatan SELAIN daripada pengajian yang diterima berkenaan tahun / tahun-tahun terdahulu yang belum dilaporkan.</p> <p><i>Contoh:</i> Pendapatan sewa atau faedah.</p> <p>Gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi.</p>	
<b>BAHAGIAN H</b>		<b>MAKLUMAT FIRMA DAN TANDATANGAN ORANG YANG MENYEDIAKAN BORANG NYATA INI</b>
H1 – H4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• No. kelulusan ejen cukai adalah nombor kelulusan yang diberikan kepada ejen cukai yang diluluskan di bawah subseksyen 153(3) ACP 1967.</li> <li>• Bahagian ini perlu diisi dan ditandatangani oleh ejen / wakil cukai yang menyediakan borang nyata ini.</li> </ul>	

JADUAL CUKAI						
KATEGORI	BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI (a)		PENGIRAAN RM (b)		KADAR % (c)	CUKAI RM (d)
A	0	- 5,000	5,000	pertama	0	0
B	5,001	- 20,000	5,000 15,000	pertama berikutnya	1	0 150
C	20,001	- 35,000	20,000 15,000	pertama berikutnya	3	150 450
D	35,001	- 50,000	35,000 15,000	pertama berikutnya	8	600 1,200
E	50,001	- 70,000	50,000 20,000	pertama berikutnya	14	1,800 2,800
F	70,001	- 100,000	70,000 30,000	pertama berikutnya	21	4,600 6,300
G	100,001	- 250,000	100,000 150,000	pertama berikutnya	24	10,900 36,000
H	250,001	- 400,000	250,000 150,000	pertama berikutnya	24.5	46,900 36,750
I	400,001	- 600,000	400,000 200,000	pertama berikutnya	25	83,650 50,000
J	600,001	- 1,000,000	600,000 400,000	pertama berikutnya	26	133,650 104,000
K	Melebihi 1,000,000		1,000,000 Setiap ringgit berikutnya	pertama berikutnya	28	237,650 .....

KOD NEGARA					
Sebahagian negara-negara yang dikenal pasti. Tuan boleh merujuk kepada Lampiran E untuk mendapatkan senarai lengkap.					
Negara	Kod	Nama	Kod	Nama	Kod
Australia	AU	Iran (Islamic R.O.)	IR	Philippines	PH
Bangladesh	BD	Iraq	IQ	Saudi Arabia	SA
Brunei	BN	Japan	JP	Singapore	SG
Cambodia	KH	Korea, D.P.R.	KP	South Africa	ZA
Canada	CA	Korea, R.O.	KR	Sri Lanka	LK
China	CN	Laos, D.P.R.	LA	Taiwan	TW
Denmark	DK	<b>Malaysia</b>	<b>MY</b>	Thailand	TH
Hong Kong	HK	Myanmar	MM	United Kingdom	GB
India	IN	New Zealand	NZ	United States	US
Indonesia	ID	Pakistan	PK	Vietnam	VN

Nota: R.O. = Republic of;

D.P.R. = Democratic People's Republic of